

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: SEMPENA HARI WANITA

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PWTC, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 25 AUG 1992

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Hari Wanita kerana menjemput saya dan isteri ke Majlis sempena Hari Wanita tahun ini. Kepada semua kaum wanita saya ucapkan selamat menyambut Hari Wanita.

2. Semenjak lebih dua dekad kita telah melihat peningkatan perjuangan untuk hak wanita di seluruh dunia. Memangnya perjuangan hak ini mempunyai sebab dan asas-asas yang wajar.

3. Di zaman dahulu, wanita dianggap sebagai orang suruhan milik lelaki dengan taraf yang hanya baik sedikit daripada hamba. Di sesetengah masyarakat ibu dipandang lebih rendah daripada anak lelaki mereka sendiri.

4. Dengan perubahan zaman hak wanita semakin diiktiraf. Tetapi mereka masih tidak setaraf dengan lelaki. Justeru itu, ada di antara aktivis wanita di Barat yang tidak puas hati dan ingin persamaan dengan lelaki dalam semua aspek hidup dalam masyarakat.

5. "Women's Lib" dijadikan slogan oleh aktivis-aktivis wanita. Mereka berlumba-lumba untuk mengenalpasti semua perbezaan di antara wanita dengan lelaki yang perlu disamakan.

6. Sementara banyak perjuangan mereka adalah tepat dan adil, ada banyak juga yang merosakkan masyarakat, terutama di Barat. Di sana, persamaan dengan lelaki diusahakan sehingga meruntuhkan moral dan maruah masyarakat.

7. Demikian, jika suami tidak taat kepada isteri maka isteri juga tidak perlu taat kepada suami. "Morality" dahulu menekankan pentingnya suami tidak menipu isteri dan "vice versa" tetapi sekarang apa yang dikehendaki bukanlah "marital fidelity" tetapi falsafah "anything you can do, I can do". Dengan itu perkahwinan runtuh sehingga akhirnya institusi perkahwinan itu sendiri dianggap tidak penting. Akibatnya ialah institusi keluarga turut runtuh dan diganti dengan "single parent family" dalam mana anak sudah tidak tahu siapa ayahnya, dan kadang-kadang si bapa memelihara anak yang tidak kenal ibunya.

8. Juga dalam percubaan mencari persamaan dengan lelaki

sifat-sifat fizikal kewanitaannya cuba diganti dengan sifat-sifat fizikal lelaki. Wanita cuba membina badan supaya mempunyai "muscles" serupa lelaki. Mereka mengangkat berat supaya membesarkan otot-otot mereka. Akhirnya mereka tidak lagi berbadan wanita. Sebaliknya mereka sudah tidak banyak berbeza daripada segi fizikal dengan lelaki. Dengan itu tingkah-laku dan sifat-sifat kewanitaannya mereka turut hilang dan diganti dengan manusia yang bukan lelaki dan bukan perempuan dan bukan juga maknyah. "Gender" atau jenis yang keempat ini sudah ramai di Barat.

9. Saya bukan "male chauvinist" tetapi saya bersyukur kerana keterlaluan yang kita lihat di Barat tidak menular ke negara ini. Kaum wanita di Malaysia memang menuntut hak yang saksama tetapi tidak sehingga ingin menukar jenis dan rupa dan menggugurkan sifat-sifat kewanitaannya mereka. Di Malaysia, wanita ingin kekal sebagai wanita. Hanya yang mereka mahu ialah diri mereka dihormati dan diberi tempat yang wajar dalam masyarakat.

10. Institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia terselamat. Dengan ini "moral values and ethics" tidak runtuh. Masyarakat yang tidak mempunyai "moral value" yang tinggi tetap akan mengalami masalah sosial dan keresahan sepanjang masa. Masyarakat tanpa "morality" bukan sahaja tidak mungkin maju tetapi juga yang sudah maju pun akan balik menjadi mundur.

11. Walaupun kita bersyukur kerana "Women's Lib" di Malaysia tidak keterlaluan, tetapi kehidupan di Malaysia sekarang ini tidak lagi sama seperti di zaman sebelum pertumbuhan ekonomi yang tinggi, perindustrian secara besar-besaran dan kemudahan pelajaran tinggi yang meluas. Perubahan-perubahan ini tetap mempunyai kesan terhadap kehidupan individu dan keluarga dalam masyarakat. Sudah tentu ia mempunyai kesan terhadap cara hidup dan "value system" kaum wanita.

12. Walaupun kebanyakan daripada perubahan cara hidup menguntungkan kaum wanita dan masyarakat keseluruhannya dan kita tidak harus menolak pertumbuhan ekonomi dan pemodenan, tetapi kesan yang negatif daripada perubahan memerlukan pendekatan secara lebih tersusun dan berilmiah.

13. Hari ini ramai beliawanis bekerja di kilang-kilang yang jauh dari kampung halaman dan kawalan keluarga. Tanpa panduan dan penyeliaan akan ada beliawanis yang terlibat dengan kegiatan yang tidak diinginkan. Walaupun mereka yang terlibat ini tidak ramai sekarang tetapi mereka perlu diberi perhatian. Jika tidak cara hidup mereka yang segelintir ini boleh merebak dan menjadi budaya baru bagi kumpulan ini.

14. Yang diperlukan ialah penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan yang sihat seperti sukan dan kelab, "indoor games", kelas-kelas agama dan sosial, dan lain-lain yang boleh memenuhi masa lapang mereka tanpa membosankan. Untuk ini badan-badan sosial wanita yang berminat dengan

kerja-kerja sukarela boleh memainkan peranan. Kilang juga boleh memberikan kemudahan yang diperlukan. Kita tidak ingin memberi sebab kepada mereka yang berkepentingan menghalang beliawanis kita daripada bekerja di kilang kerana tenaga mereka amat diperlukan untuk perindustrian dan pembangunan negara. Bebanan ibu bapa mereka juga dapat dikurangkan dengan kegiatan dan penyeliaan oleh badan-badan kebajikan. Di samping itu mereka akan lebih mengetahui akan cara-cara hidup dalam dunia moden ini dan akan menguasai kecekapan dan pengetahuan yang mana ini akan menjadikan mereka warganegara yang lebih mampu bersaing dengan bangsa-bangsa asing.

15. Bagi wanita yang sudah berumahtangga, konflik mereka ialah di antara memelihara anak dan rumahtangga dengan tarikan bekerja untuk menambah pendapatan. Mereka yang berkelulusan tinggi tetapi tidak bekerja selepas berumahtangga akan merugikan perbelanjaan berpuluh-puluh ribu ringgit untuk mendapat ilmu yang bukan sahaja berharga bagi diri mereka tetapi juga diperlukan oleh negara.

16. Tetapi masalah sekarang ialah semakin ramai anak yang tidak mendapat pemeliharaan dan didikan oleh ibu yang bekerja. Kadang-kadang anak-anak ini terletak di bawah jagaan pembantu rumah yang mungkin terdiri daripada orang asing. Anak-anak ini akan menyerap budaya asing dan mungkin juga bahasa ibunda pun akan hilang atau lemah.

17. Besar kemungkinan mereka akan menjadi "disoriented", tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat Malaysia. Mereka sudah tentu tidak akan mengecapi kesayangan ibu, sesuatu yang amat penting bagi membentuk psikologi mereka. Anak yang tidak merasai kesayangan ibu tidak akan dapat memahami tanggungjawab terhadap anak mereka kemudian. Anak seperti ini tidak terkawal, mungkin tidak berdisiplin dan mudah terlibat dengan kegiatan yang tidak diingini, seperti penagihan dadah.

18. Namun masalah ini tidak boleh diatasi dengan pendekatan yang mudah, iaitu ibu harus tinggal di rumah untuk mendidik anak. Sebenarnya peranan wanita dalam masyarakat begitu penting sehingga kita tidak boleh mengasingkan wanita daripada masyarakat umum. Mereka bukan sahaja dikehendaki terus mengguna sebarang ilmu atau kecekapan yang ada pada mereka dalam membantu negara bersaing dengan negara asing yang mengguna tenaga wanita dengan sepenuhnya, tetapi wanita juga dikehendaki memainkan peranan yang besar dalam bidang sosial dan politik.

19. Jelas sekali dalam masyarakat Malaysia moden, tradisi lama di mana semua wanita menjadi ibu dan suri rumah, dan lelaki menjadi "bread winner", tidak dapat dikembalikan. Dilema kita ialah kedua-dua pilihan mempunyai kesan yang tidak baik.

20. Selain daripada mengadakan "creche" di tempat kerja, mungkin satu "solution" bagi mengatasi dilema ini ialah

dengan menghidupkan semula sistem "extended family". Penduduk bandar biasanya terputus hubungan dengan anggota keluarganya yang lain. Jika dahulu datuk atau nenek ada untuk menjaga cucu, atau pun adik atau kakak yang tinggal bersama boleh menjaga anak yang ditinggal, hari ini di bandar-bandar, mereka yang sudah berkahwin hidup berasingan daripada ibu bapa dan keluarga lain. Dengan itu tidak akan ada sesiapa di rumah apabila suami isteri keluar bekerja atau mempunyai urusan di luar. Jika mereka mempunyai anak kecil, masalah akan timbul. Sebaliknya, jika amalan tinggal bersama dengan ibu bapa dikembalikan masalah ini mungkin berkurangan.

21. Sudah tentu "there is a price to pay". Sebabnya "nothing is free in this world". Ibu mertua tidak seburuk seperti yang selalu digambarkan dalam drama atau cerita di televisyen atau filem atau buku novel terutama dari barat.

22. Kita berhasrat menjadi negara maju. Telah diterangkan negara maju yang dimaksudkan bukanlah semata-mata negara yang kaya, berteknologi tinggi, kukuh dan kuat. Kita ingin negara maju yang antara lain mempunyai rakyat yang bermoral tinggi dan yang berpegang kepada nilai-nilai yang mulia.

23. Wanita terlibat secara langsung dengan pengekalan dan pemupukan nilai-nilai mulia ini daripada buaian lagi. Tidak mungkin wanita memainkan peranan ini jika mereka tidak sedar atau tidak faham masalah yang akan timbul dalam perjalanan kita menuju ke taraf negara maju.

24. Peranan wanita dalam masyarakat bukan harus dikurangkan, tetapi sebaliknya harus ditingkatkan. Kaum lelaki perlu akui bahawa dalam bidang pelajaran dan perniagaan prestasi wanita kadang-kadang lebih tinggi daripada lelaki. Mereka harus iktiraf hakikat ini dengan memberi tempat yang sewajarnya kepada wanita. Mereka yang layak dinaikkan pangkat tidak sepatutnya disekat hanya kerana mereka wanita. Demikian juga pengadilan oleh lelaki terhadap mereka hendaklah adil dan saksama. Bahawa wanita Malaysia tidak "militant" tidak seharusnya dijadikan peluang bagi lelaki mengambil kesempatan daripadanya.

25. Kita hanya tinggal 28 setengah tahun sahaja lagi untuk menjadi negara maju. Kita sudah merdeka 35 tahun dan kita dapati tempoh itu tidaklah begitu panjang. Sekarang tempoh yang kita ada lebih pendek dan banyak perkara yang perlu dilakukan oleh kita dalam menghayati sifat-sifat kewanitaan yang sihat supaya kejayaan tidak akan memusnahkan "character" masyarakat kita.

26. Justeru itu kaum wanita bersama kaum lelaki mestilah memandang serius peranan masing-masing, merenung pendekatan yang bijak untuk menyelamatkan masyarakat Malaysia yang sedang menuju ke arah kemajuan ini.

27. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada kaum wanita seluruh negara.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.